

Jaminan Dr. M kpd Melayu Pulau Pinang

31 JUN 1976

BUKIT MERTAJAM, Ahad.
KERAJAAN Pusat mengamb
bil perhatian beraf terha
dap usaha untuk mengatasi
masaalah yang dihadapi oleh
orang-orang Melayu Pulau Pi
nang khususnya di bidang eko
nomi.

Timbalan Perdana Menteri Dr.
Mahathir Mohamed berkata, ba
gaimanapun orang-orang Me
layu di sini mestilah menerima

Oleh ZAINAL A

nasihat-nasihat dan panduan
yang akan diberikan oleh Kera
jaan Pusat untuk mencapai mat
lamat tersebut.

Dr. Mahathir berkata orang
orang Melayu di sini perlulah
memastikan lebih dulu di mana
kelemahan mereka dan menga
tur rancangan mengatasinya.

Beliau menegaskan demikian
di majlis dialog dengan ahli-ahli

UMNO Bahagian Bukit Mer
tajam, di dewan sekolah mene
ngah kebangsaan di sini hari ini.

Dialog tersebut berlangsung
kira-kira dua jam. Beberapa
masaalah termasuk usaha mem
banyakkan bilangan orang-orang
Melayu di kawasan bandar, dan
penyertaan orang Melayu dalam
lapangan perniagaan serta masa
alah pelajaran telah dikemuka
kan oleh beberapa orang peser
ta.

Dr. Mahathir berha
rap orang-orang Me
layu di sini dapat
menyesuaikan sikap
mereka untuk men
jayakan diri mereka da
lam lapangan pernia
gaan.

Katanya, mereka
juga perlu mendapat
kan nasihat dan tunjuk
ajar dari kalangan yang
telah maju dan jangan
bersikap angkuh untuk
menerima teguran.

Beliau berkata, "Kita
sedar bahawa kita le
mah dalam bidang eko
nomi dan pelajaran. Ba
gaimanapun masalah
ini dapat kita atasi jika
kita bersedia untuk
membaiki kelemahan
tersebut."

Dr. Mahathir sebe
lum itu mengingatkan
ahli-ahli UMNO di sini
supaya jangan mela
kukan sebarang tindak
an untuk mengatasi
masaalah orang Me
layu menurut nafsu se
mata-mata.

Tindakan

Tindakan seperti itu
menurutnya tidak akan
memberi kesan yang
baik tetapi sebaliknya
akan merugikan orang
Melayu sendiri.

Beliau berkata, Kera
jaan Pusat terus meng
galakkan orang-orang
Melayu mengambil
bahagian dalam la
pangan perniagaan di
samping menyalurkan
bantuan yang diper
lukan kepada mereka.

Katanya, sebahagian
besar dari mereka yang
mendapat bantuan tel
ah berjaya dalam la
pangan tersebut. Ba
gaimanapun ada se
golongan mereka yang
gagal kerana tidak
mahu menerima na
sihat dan teguran.

Beliau menyatakan
dalam Rancangan Ma
laysia Ketiga, kerajaan
telah menguntukkan
\$340 juta kepada MARA
untuk membantu pe
niaga-peniaga Bumi
putra.